

## SOLAN LAZIM (FAQ)

### REBAT PEMBAYARAN BIL CUKAI TAKSIRAN MBI 2025

**1. Apakah dimaksudkan dengan rebat pembayaran bil cukai taksiran bagi tahun 2025?**

Pihak Majlis akan memberikan rebat bayaran kepada pelanggan awal yang membayar Bil Cukai Taksiran Tahun 2025 mulai 01 November 2024.

**2. Berapakah jumlah rebat yang ditawarkan?**

Rebat akan diberikan sebanyak RM5 bagi pembayaran bil cukai taksiran setahun tanpa tunggakan.

**3. Dimanakah urusanniaga pembayaran dapat dilakukan?**

Saluran bayaran yang layak menerima rebat adalah seperti berikut :

- Kaunter Pembayaran Ibu Pejabat
- Kaunter Pembayaran UTC
- Kaunter Pandu Masuk
- Kaunter bergerak
- Kaunter Bank Simpanan Nasional
- Perbankan secara atas talian dari bank-bank tempatan
- Jompay
- FPX melalui laman sesawang MBI (<https://d.mbi.gov.my>)
- PBTPay
- Mesin kiosk di kaunter Ibu Pejabat dan UTC

**4. Berapa kuantiti rebat yang disediakan oleh Pihak Majlis?**

Pihak Majlis menyediakan sebanyak 20,000 unit kepada pemilik pegangan yang terawal menjelaskan Bil Bayaran Cukai Taksiran Tahun 2025.

**5. Siapakah yang layak untuk menerima rebat ini?**

Hanya pemilik aktif yang bertaraf individu dan diantara 20,000 pemilik yang terawal menjelaskan bil cukai taksiran Tahun 2025 melalui saluran bayaran yang dinyatakan.

**6. Apakah had untuk bilangan akaun cukai taksiran bagi setiap individu?**

Semua pelanggan yang mempunyai akaun cukai taksiran layak menerima rebat ini. Namun begitu, rebat hanya akan diberikan untuk sekali transaksi bayaran sahaja bagi setiap akaun tersebut.

**7. Berapakah tempoh masa yang diambil oleh MBI untuk pemberian rebat ini?**

Pemberian rebat akan dikreditkan melalui pelarasan akaun terus kepada akaun cukai taksiran penggal kedua 2025.

**8. Adakah rebat ini layak untuk pemilik yang mempunyai tunggakan?**

Pemilik layak untuk menerima rebat ini tetapi perlu menjelaskan semua tunggakan beserta dengan bil bagi tahun 2025.

**9. Sekiranya saya telah menjelaskan bayaran sebelum 01 November 2024, adakah saya layak menerima rebat ini?**

Tidak

**10. Saya telah membuat bayaran penggal pertama pada disember 2024 di kaunter bayaran UTC, adakah saya layak menerima rebat sekiranya bayaran kedua dibuat pada kiosk?**

Tidak, bayaran rebat hanya layak untuk sekali transaksi pertama bayaran dibuat dan memenuhi syarat kelayakan.

**11. Saya telah membuat bayaran sepenggal pada bulan Disember 2024, adakah saya layak menerima rebat sebanyak RM 5 sekiranya bayaran penggal kedua dijelaskan pada Januari 2025?**

12. Tidak, bayaran rebat hanya layak untuk sekali transaksi pertama bayaran dibuat dan memenuhi syarat kelayakan.

**13. Saya adalah pemaju/pengilang adakah saya layak untuk menerima rebat ini?**

Tidak, bayaran rebat hanya layak untuk pemilik harta bertaraf individu.

**14. Bagaimanakah saya ingin menyemak rebat saya?**

Pemilik boleh menyemak melalui penyata di portal rasmi Dmbi selepas berakhir tempoh bayaran bil cukai taksiran iaitu 28 Februari 2025.